

10 tahun bukan jaminan PM tidak lakukan kerosakan

Oleh **AFIERA ZULAIERA**
MOHD. KHAIRULAZMI
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak bersetuju dengan cadangan menahkodkan tempoh jawatan perdana merited kepada hanya dua penggal.

Memberikan contoh dirinya, Perdana Menteri Keempat dan Ketujuh itu berkata, masih banyak perkara yang tidak dapat diselesaikan ketika beliau menjawat jawatan itu, meskipun selama 22 tahun.

Jelasnya, perkara yang lebih penting bukanlah tempoh seseorang itu menjadi perdana menteri, sebaliknya cara untuk menyingkirkannya sekiranya tidak menjalankan tugas dengan baik.

Dr. Mahathir turut menyatakan, menahkodkan tempoh jawatan perdana menteri kepada 10 tahun tidak akan mem-



MAHATHIR MOHAMAD

berikan kesan yang baik kepada negara.

"Tugas tersebut terletak pada tanggungjawab ahli-ahli Parli-

men tanpa mengira berapa lama seseorang itu menjadi perdana menteri. Kalau itu amalan kita, kita pendekkan masa kepada

10 tahun. Saya yakin tidak akan berkesan.

"Banyak masalah yang tidak dapat diselesaikan dalam jangka masa yang ditetapkan katanya pada majlis berbuka puasa di Putrajaya, kelmarin.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju dengan cadangan untuk menahkodkan tempoh sebagai perdana menteri kepada 10 tahun atau dua penggal sahaja.

Tambah Dr. Mahathir, langkah tersebut juga dilihat tidak menjamin negara akan selamat daripada berdepan masalah.

"Kalau kurangkan penggal tetapi dia orang yang tidak baik, dia masih boleh buat pelbagai benda yang rosakkan negara.

"Namun kalau dia seorang perdana menteri yang berjaya, baik dan disukai ramai, tempoh 10 tahun itu tidak mencukupi," jelasnya.